

10 JAN 2003

MCA KELANTAN 'SENANG HATI' DR MAHATHIR BELUM TERIMA PELETAKAN LING

KOTA BAHARU, 10 Jan (Bernama) -- MCA Kelantan "senang hati" dengan pendirian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa belum sampai masa untuk beliau membuat keputusan berhubung peletakan jawatan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebagai menteri kabinet.

Pengerusinya Datuk Dr Fong Chan Onn berkata MCA Kelantan menyokong keputusan Perdana Menteri itu kerana MCA negeri itu mempunyai kepercayaan yang penuh terhadap Dr Ling selaku Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat MCA Kelantan di sini hari ini, beliau juga berkata MCA Kelantan sedang memberi tumpuan sepenuhnya bagi membantu Barisan Nasional menguasai negeri itu dalam pilihan raya umum akan datang.

Fong yang juga Menteri Sumber Manusia dan Naib Presiden MCA, berkata maklumat balas daripada masyarakat Cina dan Siam di Kelantan menunjukkan mereka mahu kerajaan Pas ditumbangkan kerana melaksanakan undang-undang dan peraturan yang tidak adil kepada mereka.

"Kaum Cina di Kelantan terutamanya belia tidak puas hati dengan kerajaan negeri yang gagal menyediakan peluang pekerjaan secukupnya kepada mereka," katanya.

--BERNAMA

BD MAI